

SOALAN NO : 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
TARIKH : 27 JULAI 2017
SOALAN : 66**

YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kaedah kawalan denggi menggunakan kawalan biologi Nyamuk *Aedes* yang disuntik bakteria '*Wolbachia*'.

Tuan Yang di-Pertua,

Bakteria *Wolbachia* di dalam nyamuk *Aedes aegypti* boleh menghalang pembiakan virus denggi, chikungunya dan Zika. Penggunaan nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* dapat menghentikan penularan penyakit-penyakit ini.

Terdapat dua kaedah penggunaan *Wolbachia* untuk kawalan nyamuk *Aedes* iaitu Penggantian (*Replacement Strategy*) dan Pengurangan Populasi (*Suppression Strategy*).

Dalam kaedah penggantian atau replacement strategy, nyamuk *Aedes* jantan dan betina yang mengandungi *Wolbachia* akan dilepaskan di lapangan dalam bilangan yang kecil. Nyamuk *Aedes* betina yang ber*Wolbachia* ini akan mengawan dengan nyamuk *Aedes* jantan liar dilapangan dan menyebarkan *Wolbachia* melalui pewarisan daripada ibu kepada anak-anak.

Malaysia telah mempelopori strategi pelepasan nyamuk jantan dan betina untuk tujuan penggantian nyamuk *Aedes aegypti* liar dengan nyamuk *Aedes aegypti* yang ber*Wolbachia*. Strategi ini tidak mempunyai kesan kepada ekosistem atau alam sekitar.

Wolbachia akan merencatkan replikasi virus denggi, Zika dan chikungunya di dalam nyamuk. Dengan yang demikian, virus ini tidak dapat disebarkan kepada manusia sekaligus menurunkan kadar risiko penduduk dijangkiti denggi, Zika dan chikungunya.

Kaedah penggunaan *Aedes* ber*Wolbachia* merupakan kaedah baru yang telah disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan telah mula digunapakai di beberapa negara seperti Australia, Brazil, Columbia, China, Indonesia, Vietnam, Tahiti, Thailand, Singapura dan California, USA.

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan teknik ini akan menyekat penularan denggi, Zika dan chikungunya. Dengan mengawal nyamuk *Aedes*, kita dapat juga mengawal ketiga-tiga beban penyakit ini sekaligus.